

**PERSEMBAHAN UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
DI
MAJLIS MAKAN MALAM
SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI JUMAAT, 22 OGOS 2008 DI HOTEL HYATT REGENCY,
KUANTAN**

SALUTASI DIRAJA

Bismillaahir rahmaanir rahiim. Alhamdulillah rabbil 'alamiin.

*Wassolaatu wassalaamu 'alaa saiyyidinaa Muhammadin asyrafil anbiyaa'i
walmursaliin. Wa'alaa aalihii wasohbihii ajmaiin.*

Menghadap

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang
Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah,
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor)., SPMJ.; Tuanku Canselor;

Menghadap

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang
Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Sultan Iskandar al-Haj,
DK., DK(JOHOR), SPMJ.,

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

KATA PEMBUKA

1. Patik bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Pahang merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku berdua berangkat mencemar duli ke Majlis Santapan Malam sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Universiti Malaysia Pahang pada hari ini. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Tuanku berdua menambahkan lagi seri dan semarak majlis pada malam ini.

MERAIKAN KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN

2. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Ketokohan dan kepimpinan Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor Universiti ini menjadi sumber inspirasi kepada Universiti Malaysia Pahang untuk terus mara ke hadapan bagi menjana kecemerlangan. Sesungguhnya keprihatinan Kebawah Duli Tuanku terhadap perkembangan, kemajuan dan pembangunan Universiti Malaysia Pahang membolehkan Universiti ini menjajarkan perancangan strategiknya dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Malaysia sedrta Kementerian Pengajian Tinggi.

3. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dihasilkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi menjadi asas utama penggubalan Pelan Strategik UMP 2008-2010. Dengan tema "Memperkukuh Asas, Menjana Kecemerlangan", usaha dan tenaga warga kerja Universiti Malaysia Pahang digembleng bagi menjayakan lima objektif utama iaitu meningkatkan penawaran program akademik yang inovatif dan relevan industri; memastikan Universiti mencapai piawaian antarabangsa,

mempertingkatkan kualiti sumber manusia; memperkasakan sistem dan operasi serta memperbanyakkan kerjasama menang-menang.

4. Strategi-strategi pelaksanaan difokuskan kepada 10 Faktor Kritikal Kejayaan atau CSF iaitu Governan; Pembangunan Modal Insan; Pengajaran dan Pembelajaran; Akses dan Sosioekonomi; Penjaminan Kualiti; Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersilan; Pembelajaran Sepanjang Hayat; Pengantarabangsaan; Nilai Tambah Berasaskan Teknologi dan Mekanisme Pembiayaan. Dengan kepimpinan berterusan Kebawah Duli Tuanku sebagai Canselor Universiti ini, patik yakin bahawa Universiti Malaysia Pahang akan berjaya melengkapkan Fasa Pengukuhan pada akhir tahun 2008 dan seterusnya melangkah masuk ke Fasa Kecemerlangan.

5. Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Majlis Konvokesyen Ke-3 Universiti Malaysia Pahang pada hari esok, Sabtu, 23 Ogos 2008 bakal menyaksikan seramai 582 orang graduan dikurniakan ijazah dan diploma. Daripada jumlah ini, seorang graduan akan dikurniakan ijazah Sarjana, 401 orang akan dikurniakan ijazah Sarjana Muda dan 180 orang akan dikurniakan Diploma. Sukacita patik menyembah maklum bahawa hasil kajian pengesanan graduan yang telah dibuat menunjukkan 93 peratus daripada jumlah keseluruhan 717 orang graduan Universiti Malaysia Pahang bagi tahun 2007 telah mendapat pekerjaan. Daripada jumlah ini seramai 403 orang atau 56 peratus graduan Universiti Malaysia Pahang berjaya mendapat pekerjaan yang relevan dengan kelayakan akademik mereka dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

6. Pendekatan menang-menang yang diamalkan oleh Universiti Malaysia Pahang dalam konteks jaringan strategiknya dengan pihak industri telah menatijahkan pencapaian yang amat memberansangkan dari sudut kebolehpasaran para pelajar dan graduan Universiti ini. Daripada 537 orang pelajar yang kini sedang mengikuti latihan industri atau *internship* pada semester akhir pengajian, seramai 14 orang mengikuti latihan industri di luar negara, 150 orang di syarikat multinasional terpilih dan 70 orang di rakan strategik Universiti ini.

7. Universiti Malaysia Pahang turut berbangga dengan bertambahnya bilangan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pasca siswazah di peringkat Sarjana dan Doktorat di Universiti ini. Kini, daripada 95 orang pelajar pasca siswazah di Universiti ini, seramai 22 orang atau 23 peratus daripadanya merupakan pelajar antarabangsa. Usaha juga turut digiatkan untuk meningkatkan bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah, termasuklah dari luar negara. Dengan kekuatan staf akademik yang kini berjumlah lebih 360 orang, lebih 30 orang daripada jumlah tersebut memiliki kelayakan Doktor Falsafah.

8. Justeru, majlis pada malam ini meraikan kecemerlangan UMP dan kejayaan modal insan yang dijana olehnya. Tanggal 14 Jun 2008 yang lalu, Universiti ini telah disahkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. Dengan berbekalkan komitmen, azam dan tekad yang jitu serta sokongan berterusan Kebawah Duli Tuanku serta Kerajaan, patik sekalian berikrar untuk memberikan khidmat dan sumbangan yang terbaik demi kemajuan Universiti ini.

ALU-ALUAN KEPADA DIF-DIF

9. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Pada kesempatan ini patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku bagi patik mengalu-alukan dif-dif kenamaan yang turut hadir pada malam ini:-

Yang Amat Mulia Kerabat-kerabat Bergelar dan isteri;

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang,
Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob dan isteri;

Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi,
Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin dan isteri;

Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang,
Dato' Wan Mohd. Razali bin Wan Mahussin dan isteri;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang;

Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang,
Dato' Mohd. Hilmey bin Mohd. Taib dan isteri;

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam;

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan dan Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan.

KATA PENUTUP

10. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,

Sekianlah persembahan ucapan daripada patik. Patik sekali lagi menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku berdua berangkat mencemar duli untuk bersama-sama pacal-pacal warga Universiti Malaysia Pahang dan dif-dif pada malam ini. Patik sekalian berdoa ke hadrat Ilahi semoga Kebawah Duli Tuanku berdua dan Paduka-paduka Anakanda terus dilimpahi berkat, keafiatan yang berkekalan dan usia yang berpanjangan serta terpelihara seluruh Kerabat Diraja hendaknya dalam naungan keimanan serta ketakwaan.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*5 Ogos 2008
11.00 malam*